

25/03/1998

Syarat siling untuk bank Tahap Satu dilonggar

KUALA LUMPUR, Selasa - Bank Tahap Satu mungkin diberi kelonggaran syarat siling 15 peratus dalam pertumbuhan pinjaman bagi 1998, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kelonggaran itu, yang dicadangkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kepada Bank Negara, hanya diberikan kepada bank Tahap Satu yang mempunyai kemampuan, manakala bank pusat memastikan mereka tidak mengatasi had itu.

Memberitahu sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri menjelaskan, cadangan lain MTEN termasuk Bank Negara menambah deposit dalam bank tempatan bagi meningkatkan kecairan dan mengurangkan tekanan kredit serta mengurangkan kadar faedah dan kos meminjam.

Untuk itu, Bank Negara akan mengkaji kemungkinan menjamin pinjaman antara bank, mengurangkan keperluan rizab berkanun (SRR) bank dengan Bank Negara sebanyak satu atau dua peratus.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi MTEN berkata, Bank Negara juga dicadangkan mengkaji kemungkinan melonggarkan syarat 40/60 untuk membolehkan syarikat milik asing di Malaysia mendapat sumber pembiayaan lebih 40 peratus perbelanjaan bagi memula atau membesarkan perniagaan mereka daripada bank asing yang beroperasi di negara ini.

(END)